

09 MAR 2004

Pilihan raya-Azalina

BAPA UGUT TAK AKUI ANAK JIKA SOKONG PARTI PEMERINTAH, KATA AZALINA

KOTA TINGGI, 9 Mac (Bernama) -- Ada anggota Puteri Umno diugut tidak diakui anak oleh bapa mereka semata-mata kerana memilih parti pemerintah untuk disokong, kata Ketua Puteri Umno Datuk Azalina Othman Said.

"Anggota Puteri ini berada dalam situasi yang sukar seperti kata pepatah 'ditelan mati emak, diluah mati bapa (kerana) bapa dia enggan menghalalkan apa yang telah dibelanjakan untuk anaknya itu disebabkan anaknya itu memilih parti kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Mesra Rakyat Masyarakat Felda anjuran Gabungan Wawasan Generasi Felda dan Majlis Belia Felda Malaysia Negeri Johor, Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Rancangan Gugusan Felda Adela dan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) Parlimen Pengerang di sini.

Azalina turut menyeru kaum ibu agar tidak menyekat pendidikan anak-anak perempuan demi menjamin masa depan mereka.

"Orang Islam digalakkan menimba ilmu dan ianya juga merupakan sebahagian dari fardhu kifayah. Saya berharap golongan ibu di Felda dan di mana juga jangan menyekat pembelajaran anak-anak kerana hanya dengan ilmu wanita boleh maju," katanya.

Beliau berkata dasar kerajaan yang ada sekarang ini mahukan golongan wanita hari ini memperolehi pendidikan yang sempurna.

Pengerusi Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) Tan Sri Rozali Ismail pula berkata GWGF merupakan tunjang kekuatan generasi baru masyarakat Felda.

"Kini, terdapat 1.5 juta penduduk Felda, 200,000 telah berjaya ke institusi pengajian tinggi dan dari jumlah itu 20,000 adalah golongan profesional dan 20,000 lagi merupakan golongan separa profesional." katanya.

Rozali berkata, GWGF ingin melihat peningkatan infrastruktur dan taraf hidup di Felda dipertingkatkan sesuai dengan kemajuan di kawasan bandar.

GWGF merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang dilancarkan oleh bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 23 Ogos 2002 dan mewakili masyarakat Felda di seluruh negara.

-- BERNAMA

ASF SHO MNY MAI